

26/09/1998

Pemimpin Umno sokong ketetapan Exco Pemuda

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pemimpin Umno menyokong ketetapan Exco Pergerakan Pemuda Umno supaya Majlis Tertinggi (MT) mengambil tindakan tatatertib terhadap ketua pergerakan itu, Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Ahli Majlis Tertinggi (MT), Datuk Wira Mohd Ali Rustam, berkata pendirian Pemuda sangat jelas bahawa Zahid hanya menjadi pengikut Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurutnya, segala tingkah laku Zahid menyamai tindakan Anwar, termasuk tidak mahu mengundurkan diri walaupun majoriti exco Pemuda sudah tidak menerimanya lagi.

"Zahid sepatutnya memaklumkan MT mengenai kesediaan mengundur diri apabila kebanyakan exco Pemuda menolak kepemimpinannya," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Mohd Ali yang juga Timbalan Menteri Pengangkutan diminta mengulas kenyataan Naib Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein yang kecewa dengan sikap Zahid tidak mahu mengundur diri.

Hishammuddin dan 26 lagi Exco pergerakan itu semalam menyerahkan kepada MT memorandum menyatakan Pemuda Umno sudah hilang kepercayaan terhadap Zahid.

Ketua Pemuda Bahagian Ampang Jaya, Jamaluddin Ropa, berkata Pemuda bahagian itu mahu MT mengambil tindakan lebih drastik, iaitu memecat Zahid dan exco Pemuda yang menyokong Anwar.

"Pergerakan Pemuda adalah sayap kanan yang sepatutnya mempertahankan `bapak' kita iaitu Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada dikecam oleh Anwar.

"Apa maknanya apabila kita membuat keputusan 'akur' dengan keputusan MT, tetapi bersekongkol dengan gerakan reformasi dan mendiamkan diri apabila Presiden diserang dengan tohmahan," katanya.

Menurutnya, Pemuda dan Wanita Ampang Jaya hampir setiap malam mengadakan majlis penerangan untuk meyakinkan ahli Umno dan rakyat bahawa tindakan Perdana Menteri adalah tepat.

(END)